



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT

KENYATAAN MEDIA

MAKLUM BALAS AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT (APAD) BERHUBUNG INSIDEN KEMALANGAN BAS PERSIARAN DI KM 16.6 JALAN GENTING HIGHLANDS, DAERAH BENTONG, PAHANG DARUL MAKMUR

1. APAD ingin memberi maklum balas berhubung satu kemalangan jalan raya yang telah berlaku di kawasan selekoh KM 16.6 Jalan Genting Highlands, daerah Bentong, Pahang pada 29 Jun 2024. Kemalangan tersebut melibatkan sebuah Bas Persiaran yang membawa pelancong Warganegara China seramai 18 orang, seorang pemandu pelancong dan dua (2) orang pemandu. Bas Persiaran tersebut sedang dalam perjalanan dari arah Genting Highlands turun ke bawah.
2. Semakan awal mendapati bahawa Bas Persiaran tersebut telah dilesenkan di bawah syarikat M. Kumar Trans Tour Sdn. Bhd. Dalam hal ini, APAD memandang serius isu membabitkan keselamatan orang ramai susulan insiden tersebut. APAD sedang bekerjasama dengan agensi terlibat mendapatkan laporan lengkap insiden ini sebelum sebarang tindakan sewajarnya dapat dilaksanakan.
3. Tindakan awal juga telah dibuat dengan memanjangkan Surat Tunjuk Sebab (STS) kepada pihak syarikat bagi mendapatkan penjelasan mengenai kejadian. **Ditegaskan bahawa, sekiranya hasil siasatan dan laporan yang diterima mendapati berlaku sebarang pelanggaran syarat lesen perkhidmatan oleh pihak syarikat, APAD boleh mengambil tindakan tegas sama ada penggantungan atau pembatalan lesen di bawah seksyen 45 Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 [Akta 715].** APAD tidak akan sesekali berkompromi terhadap mana-mana kesalahan melibatkan kenderaan pengangkutan awam darat yang dipandu secara berbahaya sehingga mengakibatkan kemalangan.

AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT
1 JULAI 2024

-TAMAT-



**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT**

Tentang APAD:

Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) merupakan agensi dibawah Kementerian Pengangkutan Malaysia yang berperanan dalam merancang program dan strategi berkaitan pengangkutan awam darat (rel dan jalanraya) bagi meningkatkan kecekapan sistem pengangkutan awam dan barangan melalui pengawal seliaan aspek pelesenan.

Pertanyaan Media

Agensi Pengangkutan Awam Darat

Tel +603 2603 6600 (Talian Umum)

+603 2603 6689 (Unit Komunikasi Korporat)

E-mail ukk@apad.gov.my